

MEMORANDUM

Daripada: Pengarah Kemajuan Pelancongan

Kepada: Pengarah Penerangan

Tarikh: 10 Ramadan 1446H

11 Mac 2025M

Ruj. Kami: JKP/KSSUP/KIP/489-38

**PER: MEMOHON PENGIKLANAN DI BAWAH TAJUK: JKP/SH/2024-2025/57
"BASIC FIRST AID COURSE FOR TOURISM SERVICE PROVIDERS"**

Dengan hormat sukacita merujuk mengenai perkara dengan perkara yang tersebut di atas.

Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin memohon ruang pengiklanan di dalam akhbar Pelita Brunei di bawah tajuk "Iklan" untuk satu (1) tajuk tawaran sebanyak TIGA (3) kali pengiklanan bagi tarikh-tarikh seperti berikut:


1. 28 Ramadan 1446H / 29 Mac 2025 (Hari Sabtu)
2. 1 Syawal 1446H / 31 Mac 2025 (Hari Isnin)
3. 3 Syawal 1446H / 2 April 2025 (Hari Rabu)

Bersama ini disertakan kenyataan tawaran untuk iklan tersebut yang akan dikeluarkan nanti.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan pihak Tuan selanjutnya.

Al-Quran Sumber Rujukan Dalam Kepimpinan

Dengan hormat


(SALINAH BINTI HJ MOHD SALLEH)
Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

BILANGAN TAWARAN: JKP/SH/2024-2025/57

TAJUK TAWARAN: "BASIC FIRST AID COURSE FOR TOURISM SERVICE PROVIDERS"

TARIKH TUTUP TAWARAN: HARI KHAMIS, 24 APRIL 2025, JAM 2:00 PETANG

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

dan dimasukkan kedalam **Peti Sebutharga** yang bertempat di **Tingkat 3, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di atas.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan yuran sebanyak BND\$5.00.
3. Dokumen Tawaran akan diberikan selepas yuran tawaran telah dibuat. Yuran tawaran boleh dibayar pada jam seperti berikut:

HARI	JAM
Isnin – Khamis	8.00 pagi – 12.00 Tengahari 1.30 Petang – 2.00 Petang

***Kaunter ditutup pada Hari-Hari Kelepasan Awam**

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan **Borang Tawaran Asal** yang telah disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **tidak terikat** untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.